A

Pendakwa Raya lwn Loh Eng Cheong

B MAHKAMAH TINGGI (ALOR SETAR) — PJK 45A-29–10 TAHUN 2014
HASHIM HAMZAH H
26 JULAI 2016

C *Undang-Undang Jenayah — Dadah berbahaya — Milikan — Responden dituduh memiliki dan mengedar dadah berbahaya — Dadah dijumpai di dalam kereta yang dinaiki responden — Sama ada responden mempunyai jagaan atau kawalan terhadap dadah tersebut — Sama ada responden mempunyai pengetahuan terhadap apa yang ada dalam milikannya — Sama ada kes prima facie dibuktikan — Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 12(2), 12(3), 39B(1)(a) & 39B(2)*

D

Responden telah dituduh di atas dua pertuduhan iaitu mengedar dadah berbahaya methamphetamine seberat 83.38g di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB') yang boleh dihukum di bawah s 39B(2) Akta yang sama; dan memiliki dadah berbahaya nimetazepam seberat 2.45g di bawah s 12(2) ADB yang boleh dihukum di bawah s 12(3) Akta yang sama. Kes pihak pendakwaan ('perayu') adalah, kedua-dua jenis dadah tersebut telah dijumpai di dalam kereta yang dinaiki oleh responden ('kereta tersebut'). Terdapat dua keterangan berbeza daripada saksi-saksi perayu iaitu teman wanita responden ('SP4') dan juga pemilik asal kereta tersebut ('SP5') berkenaan pemilikan kereta tersebut. SP4 mendakwa bahawa kereta tersebut merupakan milik teman serumah responden dan SP4 yang bernama 'Buit' manakala SP5 mendakwa bahawa dia telah menjual kereta tersebut kepada responden dengan harga RM8,000. Isu-isu untuk penentuan mahkamah adalah sama ada responden mempunyai jagaan atau kawalan terhadap dadah berbahaya yang berkenaan; dan sama ada responden mempunyai pengetahuan terhadap apa yang ada dalam milikannya.

H **Diputuskan**, melepaskan dan membebaskan responden tanpa perlu dipanggil untuk membela diri:

(1) Perayu mengemukakan dua set keterangan berkaitan siapakah tuanpunya kereta tersebut iaitu melalui keterangan SP5 yang mendakwa bahawa dia telah menjual kereta tersebut kepada responden; dan SP4 yang mendakwa kereta tersebut milik Buit. Buit adalah saksi penting di dalam kes ini dan kegagalan memanggil Buit untuk memberi keterangan mengundang padah kepada kes perayu berasaskan anggapan sebaliknya di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950. Selain itu, memandangkan terdapat dua set keterangan yang bercanggah, responden berhak kepada

fakta yang memihak kepadanya. Perayu telah gagal membuktikan bahawa responden mempunyai jagaan atau kawalan terhadap dadah tersebut, oleh itu perayu telah gagal menunjukkan bahawa terdapatnya suatu kes prima facie ke atas responden bagi kedua-dua pertuduhan tersebut (lihat perenggan 14–15 & 18–19).

[English summary

The respondent was charged for two counts of trafficking the dangerous drug methamphetamine weighing 83.38g under s 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('the DDA') punishable under s 39B(2) of the same Act; and for the possession of the dangerous drug nimetazepam weighing 2.45g under s 12(2) of the DDA punishable under s 12(3) of the same Act. The prosecution's case ('the appellant') was that the drugs were found in the car driven by the respondent ('the car'). There were two diverging evidence by the appellants' witnesses, namely his girlfriend ('SP4') and the original owner of the said car ('SP5') regarding the ownership of the car. SP4 claimed that the car belonged to the respondent and SP4' housemate, 'Buit' while SP5 claimed that he sold the car to the respondent at the price of RM8,000. The issues for the court's determination were whether the respondent had control and possession of the dangerous drugs; and whether the respondent had knowledge of what was in his possession.

Held, discharging and acquitting the respondent without calling him to enter his defence:

(1) The appellant adduced two sets of evidence in relation to who was the owner of the car by way of SP5' evidence who claimed that he sold the car to the respondent; and SP4 claimed that the car belonged to Buit. Buit was a vital witness in this case and the failure to call Buit to give evidence was deterimental to the appellant's case based on adverse inference under s 114(g) of the Evidence Act 1950. In addition to that, since there were two sets of contradicting evidence, the respondent was entitled to the facts favouring him. The appellant failed to establish that the respondent had controlled and possession of the drugs. Therefore, the appellant failed to show that there was a prima facie case against the respondent for the said charges (see paras 14–15 & 18–19).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai dadah berbahaya secara am, lihat 4(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 976–980.

Kes-kes yang dirujuk

Balachandran v PP [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85, MP (dirujuk)
Ibrahim Mohamad & Anor v PP [2011] MLJU 1491; [2011] 4 CLJ 113, MP (dirujuk)

Munesuaran Ramasamy v PP [2016] 2 CLJ 210, MR (dirujuk)
PP v Lee Eng Kooi [1993] 2 MLJ 322; [1993] 2 CLJ 534, MT (dirujuk)
PP v Mohd Radzi bin Abu Bakar [2005] 6 MLJ 393; [2006] 1 CLJ 457, MP (dirujuk)
PP v Puvaneaswaran Kaniapan [2003] 4 CLJ 609, MT (dirujuk)
PP v Mohd Dzahir Ahmad [2015] 4 CLJ 880, MR (diikut)
See Kek Chuan v PP [2013] 6 MLJ 885; [2013] 6 CLJ 98, MR (dirujuk)
Yeap Boon Hai v PP [2009] 5 MLJ 406; [2010] 2 CLJ 338, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 Jadual Pertama
Akta Keterangan 1950 s 114(g)
Kanun Tatacara Jenayah s 180, 180(1), (2)

Mohamad Rizal bin Fadzil (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak perayu.
T Jayaraj (T Jayaraj & Co) bagi pihak responden.

Hashim Hamzah H:

PENDAHULUAN

[1] Loh Eng Cheong iaitu tertuduh di dalam kes ini menghadapi dua pertuduhan seperti berikut:

> Pertuduhan Pertama
>
> Bahawa kamu pada 1hb Februari 2014 jam lebih kurang 9.15 malam bertempat di dalam sebuah kenderaan jenis Nissan Sentra No. Pendaftaran SFY 5486 X, di hadapan sebuah rumah dua tingkat beralamat No. 143A, Taman Rajawali Indah, Alor Setar, di dalam Daerah Kota Setar, di dalam Negeri Kedah Darul Aman telah didapati mengedar dadah berbahaya iaitu Methamphetamine seberat 83.38 gram. Oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 39B(2) Akta yang sama.
>
> Pertuduhan Kedua
>
> Bahawa kamu pada 1hb Februari 2014 jam lebih kurang 9.15 malam bertempat di dalam sebuah kenderaan jenis Nissan Sentra No. Pendaftaran SFY 5486 X, di hadapan sebuah rumah dua tingkat beralamat No. 143A, Taman Rajawali Indah, Alor Setar, di dalam Daerah Kota Setar, di dalam Negeri Kedah Darul Aman telah didapati memiliki dadah berbahaya iaitu Nimetazepam seberat 2.45 gram. Oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum dibawah seksyen 12(3) Akta yang sama.

[2] Pihak pendakwaan telah memanggil enam orang saksi memberi keterangan. Di akhir kes pendakwaan, mahkamah telah mendapati bahawa

tiada kes *prima facie* terhadap tertuduh berkaitan pertuduhan yang dihadapinya dan mahkamah telah melepas dan membebaskan tertuduh daripada kedua-dua pertuduhan tersebut. Di atas keputusan ini pihak pendakwa raya telah merayu ke Mahkamah Rayuan.

KES PENDAKWAAN

[3] Kes pendakwaan berdasarkan keterangan saksi-saksi pendakwaan adalah seperti berikut:

(a) saksi utama kes ini ialah Sub Inspektor Muslim bin Ilias ('SP3') yang bertugas sebagai Penyelia Detektif di Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik, Ibu Pejabat Kontinjen Polis Kedah (JSJN IPK Kedah);

(b) berdasarkan satu maklumat dadah, pada 1 Februari 2014 jam lebih kurang 8.30 malam, SP3 telah mengumpul seramai tujuh orang anggota dari Jabatan Narkotik untuk satu taklimat penugasan di JSJN IPK Kedah. Selesai taklimat pada jam lebih kurang 8.50 malam, pasukan serbuan telah bergerak dengan menggunakan dua buah kereta dan dua buah motosikal menuju ke lokasi serbuan iaitu sebuah rumah dua tingkat di alamat 143A, Taman Rajawali Indah, Jalan Langgar, Alor Setar, Kedah ('rumah tersebut');

(c) semasa SP3 sampai ke rumah tersebut, SP3 mendapati bahawa rumah tersebut di dalam keadaan terang dan tiada kenderaan di dalam kawasan rumah atau di luar rumah. SP3 dan pasukan menunggu dan membuat pemerhatian dalam jarak 20 meter daripada rumah tersebut. Pada jam lebih kurang 9.15 malam, kelihatan sebuah kereta Nissan Sentra dengan nombor pendaftaran SFY 5486 X ('kereta tersebut') sampai dan berhenti di luar pagar hadapan rumah tersebut;

(d) SP3 kemudiannya melihat lampu besar kereta tersebut dimatikan. Pada peringkat itu, SP3 mengarahkan melalui *walkie talkie* kepada semua anggota untuk membuat serbuan dan tangkapan. Kereta yang dinaiki SP3 diletakkan di bahagian belakang kereta tersebut untuk menghadang ia bergerak. SP3 kemudiannya telah memperkenalkan dirinya sebagai polis dan mengarahkan pemandu kereta tersebut (iaitu tertuduh) untuk mematikan enjin kereta dan keluar dari kereta tersebut. Setelah tertuduh keluar, SP3 telah membuat pemeriksaan badan ke atas tertuduh dan tidak menjumpai apa-apa barang salah;

(e) seterusnya dengan disaksikan tertuduh yang pada masa itu dikawal oleh pasukan serbuan, SP3 membuat pemeriksaan di dalam kereta tersebut. SP3 menjumpai satu beg plastik bertulis '*WATSON*' terletak di atas kerusi penumpang hadapan. Pemeriksaan seterusnya oleh SP3 mendapati di dalam beg WATSON tersebut terdapat 39 papan 'Aluminium Foil' disyaki mengandungi pil Eramin 5 yang setiap satu

papan *aluminium foil* itu mengandungi sepuluh biji pil menjadikan jumlah keseluruhan 390 biji. SP3 turut menjumpai satu bekas plastik yang di dalamnya terdapat satu bungkusan berwarna biru bertulis *Sony Ericson* dan di dalamnya berisi hablur-hablur jernih yang disyaki dadah syabu;

(f) pemeriksaan seterusnya menjumpai satu beg sandang berwarna hitam di atas kerusi penumpang di bahagian belakang kereta tersebut. Di dalam beg sandang tersebut, SP3 menjumpai lapan papan aluminium foil di mana setiap satu papan aluminium foil tersebut mengandungi sepuluh biji pil disyaki Eramin 5 menjadikan jumlah keseluruhan 80 biji. Barang kes dirampas dan tertuduh ditangkap;

(g) seterusnya SP3 dan juga tertuduh serta pasukan serbuan telah bergerak menuju ke rumah tersebut. SP3 mendapati pintu hadapan rumah tersebut tertutup dan berkunci. SP3 telah mengetuk beberapa kali dipintu tersebut dan akhirnya pintu dibuka oleh seorang perempuan cina iaitu Janet Tan Pin Yin ('SP4') yang merupakan teman wanita kepada tertuduh. SP3 memperkenalkan diri sebagai polis dan memasuki rumah tersebut dan terus ke bahagian atas rumah ke bilik yang disewa oleh tertuduh dan SP4. Terdapat rampasan dadah di dalam bilik ini tetapi itu adalah hal berkaitan kes yang lain. SP4 juga ditangkap. Tertuduh dan SP4 kemudiannya di bawa balik ke Bilik Gerakan, JSJN IPK Kedah. SP3 telah membuat laporan polis sabit Alor Setar Report 2657-2659/2014. Tangkapan dan barang kes serta kereta tersebut dirampas dan telah diserahkan kepada Pegawai Penyiasat Inspektor Tengku Nazirulmubin bin Tengku Azlan ('SP6'); dan

(h) barang kes telah dihantar ke Jabatan Kimia untuk dianalisa dan ahli kimia iaitu Faesmaziana bt Napiah ('SP2') mengesahkan seperti berikut:

(i) 39 pek gelembung yang mengandungi sejumlah 390 biji tablet setelah dianalisa mengandungi 1.99g nimetazepam;

(ii) satu bekas plastik yang didalamnya terdapat satu bungkusan plastik kristal jernih. Setelah dianalisa ia adalah 83.38g methamphetamine;

(iii) lapan pek gelembung yang mengandungi sejumlah 80 biji tablet setelah dianalisa mengandungi 0.46g nimetazepam; dan

(iv) *nimetazepam dan methamphetamine adalah disenaraikan dalam* Jadual Pertama Akta Dadah Berbahaya 1952.

BEBAN PEMBUKTIAN DI PERINGKAT PRIMA FACIE

[4] Seksyen 180(1) dan (2) Kanun Tatacara Jenayah (*Revised 1999*) (Akta 593) ('KTJ') menyatakan bahawa pihak pendakwaan perlu menunjukkan

bahawa terdapatnya suatu kes *prima facie* di akhir kes pendakwaan. Di sini saya perturunkan keseluruhan s 180 KTJ yang dengan nyata diperuntukkan bahawa:

> (1) When the case for the prosecution is concluded, the Court shall consider whether the prosecution has made out a prima facie case against the accused.
>
> (2) If the Court finds that the prosecution has not made out a prima facie case against the accused, the Court shall record an order of acquittal.
>
> (3) If the Court finds that a prima facie case has been made out against the accused on the offence charged the Court shall call upon the accused to enter on his defence.
>
> (4) For the purpose of this section, a prima facie case is made out against the accused where the prosecution has adduced credible evidence proving each ingredient of the offence which if unrebutted or unexplained would warrant a conviction.

[5] Di dalam kes Mahkamah Persekutuan, *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85 Augustine Paul JCA di dalam menyampaikan keputusan Mahkamah Persekutuan menyatakan bahawa:

> A prima facie case is therefore one that is sufficient for the accused to be called upon to answer. This in turn means that the evidence adduced must be such that it can be overthrown only by evidence in rebuttal. The phrase 'prima facie case' is defined in similar terms in *Mozley and Whiteley's Law Dictionary*, 11th Ed as:
>
> > A litigating party is said to have a prima facie case when the evidence in his favour is sufficiently strong for his opponent to be called on to answer it. *A prima facie case, then, is one which is established by sufficient evidence, and can be overthrown only by rebutting evidence adduced by the other side ...*

[6] Di dalam kes Mahkamah Persekutuan juga iaitu kes *Public Prosecutor v Mohd Radzi bin Abu Bakar* [2005] 6 MLJ 393; [2006] 1 CLJ 457, Gopal Sri Ram JCA dalam menyampaikan keputusan Mahkamah Persekutuan menggariskan prinsip bahawa:

> [12] After the amendments to ss 173(f) and 180 of the CPC, the statutory test has been altered. What is required of a Subordinate Court and the High Court under the amended sections is to call for the defence when it is satisfied that a prima facie case has been made out at the close of the prosecution case. *This requires the court to undertake a maximum evaluation of the prosecution evidence when deciding whether to call on the accused to enter upon his or her defence. It involves an assessment of the credibility of the witnesses called by the prosecution and the drawing of inferences admitted by the prosecution evidence.*
>
> ...
>
> [15] For the guidance of the courts below, we summarise as follows the steps that should be taken by a trial court at the close of the prosecution's case:

(i) the close of the prosecution's case, subject the evidence led by the prosecution in its totality to a maximum evaluation. Carefully scrutinise the credibility of each of the prosecution's witnesses. Take into account all reasonable inferences that may be drawn from that evidence. If the evidence admits of two or more inferences, then draw the inference that is most favourable to the accused;

(ii) ask yourself the question: If I now call upon the accused to make his defence and he elects to remain silent am I prepared to convict him on the evidence now before me? If the answer to that question is 'Yes', then a prima facie case has been made out and the defence should be called. If the answer is 'No' then, a prima facie case has not been made out and the accused should be acquitted;

(iii) after the defence is called, the accused elects to remain silent, then convict;

(iv) after defence is called, the accused elects to give evidence, then go through the steps set out in *Mat v Public Prosecutor* [1963] MLJ 263; [1963] 1 LNS 82.

[7] Ini membawa makna bahawa keterangan tersebut hanya boleh diketepikan dengan keterangan menyangkal (*evidence in rebuttal*) (kes *Balachandran v Public Prosecutor*) dan dalam membuat keputusan sama ada pihak pendakwaan berjaya menunjukkan bahawa terdapatnya satu kes *prima facie, satu pertimbangan yang maksima* (*maximum evaluation*) perlu dibuat ke atas segala keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan (kes *Public Prosecutor v Mohd Radzi bin Abu Bakar*).

[8] Apakah intipati pertuduhan yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan. Di dalam kes *Public Prosecutor v Puvaneaswaran Kaniapan* [2003] 4 CLJ 609 di mana Augustine Paul J (pada masa itu) menyatakan bahawa:

> *Pihak pendakwaan terlebih dahulu perlu membuktikan bahawa tertuduh mempunyai pemilikan ke atas dadah tersebut sebelum isu pengedaran berkenaan bahan yang sama boleh dibangkitkan untuk pertimbangan*. Pembuktian kedua-dua isu ini boleh dibuat menerusi keterangan langsung ataupun melalui anggapan yang diperuntukkan di bawah Akta tersebut. Perlu diingati bahawa anggapan hanya boleh ditimbulkan sekali sahaja kerana anggapan atas anggapan tidak dibenarkan sama sekali (lihat *Muhammed Hassan v PP* [1998] 2 CLJ 170). *Dalam usaha membuktikan pemilikan pihak pendakwaan perlu menunjukkan bahawa tertuduh mempunyai jagaan atau kawalan terhadap dadah berbahaya yang berkenaan dan juga dia mempunyai pengetahuan terhadap apa yang ada dalam milikannya.* Jagaan dan kawalan boleh dibuktikan melalui keterangan langsung ataupun dibuat kesimpulan daripada fakta yang telah terbukti terdahulunya. Selalunya pengetahuan merupakan perkara yang dapat digarap melalui penyimpulan daripada fakta (lihat *PP v Chia Leong Foo* [2000] 6 MLJ 705; [2000] 4 CLJ 649). Bagaimana penyimpulan daripada fakta yang telah terbukti dapat dibuat telah saya jelaskan dalam *PP v Reza Mohd Shah Ahmad Shah* [2002] 4 MLJ 13; [2002] 1 LNS 157

(MT) dan saya tidak mahu mengulanginya di sini.

[9] Lihat juga kes Mahkamah Rayuan *Public Prosecutor v Mohd Dzahir Ahmad* [2015] 4 CLJ 880. Oleh itu pihak pendakwaan di dalam kes ini perlu membuktikan bahawa tertuduh mempunyai pemilikan ke atas dadah tersebut. Pemilikan melibatkan elemen jagaan atau kawalan terhadap dadah berbahaya tersebut serta elemen pengetahuan. Pembuktian boleh dibuat melalui keterangan langsung atau melalui anggapan statutori yang terdapat di dalam Akta Dadah Berbahaya 1952. Pendakwaan juga perlu membuktikan sepertimana pertuduhan bahawa barang kes tersebut adalah methamphetamine dan nimetazepam masing-masing seberat 83.38g dan 2.45g sepertimana disenaraikan di dalam Jadual Pertama Akta Dadah Berbahaya 1952.

KEPUTUSAN DI AKHIR KES PENDAKWAAN SERTA PERTIMBANGAN MAKSIMA SAKSI PENDAKWAAN

[10] Berdasarkan prinsip kes di atas, saya telah menimbangkan kes pendakwaan atas pertimbangan yang maksima. Isu utama adalah sama ada tertuduh mempunyai jagaan atau kawalan terhadap dadah berbahaya yang berkenaan dan juga sama ada tertuduh mempunyai pengetahuan terhadap apa yang ada dalam milikannya.

[11] Berdasarkan keterangan saksi pendakwaan SP3, barang kes dijumpai di dalam kereta tersebut. Pendakwaan perlu membuktikan bahawa tertuduh mempunyai jagaan atau kawalan terhadap dadah yang dijumpai di dalam kereta tersebut.

[12] Di dalam kes Mahkamah Persekutuan, *Ibrahim Mohamad & Anor v Public Prosecutor* [2011] MLJU 1491; [2011] 4 CLJ 113, Zulkefli Makinudin FCJ menggariskan prinsip berikut:

> [8] We are of the view notwithstanding the fact that the first accused and the second accused were in the vehicle when it was stopped at the road block for inspection, neither the first accused nor the second accused was the registered owner of the vehicle. The owner of the said vehicle is one, Mohd Zainuddin bin Tolan ('Zainuddin'), who was never called to testify as a prosecution witness. It is apparent that the courts below had concluded that the second accused had custody and control over the drugs on the mere facts that he was a passenger of the vehicle on the date of arrest and that several months prior to the date of arrest the second accused was summoned for driving the vehicle without a licence in Kedah. There is nothing to suggest as to what happened to the vehicle in between that period he was summoned in Kedah until the date of his arrest in the present case. *A fact cannot be said to have been proved by a presumption. A finding must be based on proved facts or inferences drawn from proved facts*. On this point in the case of *Nasrul Annuar Abd Samad v PP* [2005] 1 MLJ 619; [2005] 1 CLJ 193, Augustine Paul JCA (as he then

was) referred to and adopted the principle as laid down by Kitto J in *Jones v Dunkel* (1958–1959) 101 CLR 298 as follows:

> one does not pass from the realm of conjecture into the realm of inference until some fact is found which positively suggest, that is to say provides a reason, special to the particular case under consideration, for thinking it likely that in that case a specific event happened or a specific state of affairs existed.

[9] *It is our finding that there is no evidence to prove that both the accused were exclusively in custody and control of the vehicle prior to their arrest. There are so many favourable inferences that can be made from the existing factual matrix of this case. The vehicle could have been previously rented to a third party or Zainuddin could have taken possession of the said vehicle after the summons incident in Kedah. All these inferences which are favourable to both the accused were never considered by the High Court and the Court of Appeal. These inferences have the effect of casting reasonable doubt on the element of custody and control.* The failure on part of the courts below to consider this issue in our view is a misdirection in law.

[13] Saksi pendakwaan SP4 di dalam keterangannya menyatakan bahawa rumah tersebut didiami olehnya bersama tertuduh dengan menyewa sebuah bilik di tingkat atas dan satu lagi pasangan Melayu di mana lelakinya di kenali dengan nama panggilan 'BUIT' pula menyewa sebuah bilik lain di dalam rumah tersebut. Menurut SP4 lagi, kereta tersebut adalah milik Buit dan kunci kereta tersebut pula diletakkan di dalam rumah dan sesiapa pun boleh mengambil kunci kereta tersebut untuk menggunakan kereta tersebut. Menurut SP4 lagi, pada hari kejadian BUIT juga ada memandu kereta tersebut.

[14] Pihak pendakwaan juga telah memanggil Khor Hock Chye ('SP5') untuk memberi keterangan. SP5 dikatakan sebagai tuanpunya terdahulu kereta tersebut. SP5 menyatakan di dalam keterangan bahawa kereta tersebut dibeli di Singapura dengan harga RM20,000. SP5 kemudiannya menjual kereta tersebut kepada tertuduh dengan harga RM8,000 melalui orang tengah dan kereta tersebut tidak mempunyai geran kenderaan dan oleh itu tiada pindahmilik dilakukan. SP5 di dalam keterangannya juga tidak menyatakan bila kereta tersebut telah dijual kepada tertuduh. Pun begitu siapakah tuanpunya kereta tersebut semasa kereta tersebut dirampas. Keterangan pegawai penyiasat ('SP6') tidak membantu daripada aspek ini. Malah semasa SP6 memberi keterangan di peringkat disoal balas, SP6 menyatakan bahawa sehingga ke hari ini beliau tidak pasti siapa pemilik sebenar kereta tersebut. Kereta tersebut yang telah di rampas oleh pihak polis dan disimpan di perkarangan parkir Ibu Pejabat Polis Daerah Kota Setar walau bagaimanapun telah didapati hilang dan satu laporan polis dibuat oleh pegawai penyiasat pada 2 Ogos 2015 sabit Alor Setar Report 17129/2015 ('P28') dan hingga kini tidak diketahui apa terjadi kepada kereta tersebut.

[15] Adalah jelas bahawa pihak pendakwaan mengemukakan dua set keterangan berkaitan siapakah tuanpunya kereta tersebut iaitu melalui keterangan SP5 dan juga melalui keterangan SP4. SP4 di dalam keterangannya menyatakan bahawa tuanpunya kereta tersebut adalah BUIT dan BUIT ada membawa kereta tersebut juga pada hari tertuduh ditangkap dan fakta ini telah dimaklumkan kepada pihak polis. Pegawai penyiasat di dalam keterangannya tidak memberi apa-apa keterangan berkaitan BUIT atau penyewa lain yang mendiami rumah tersebut yang dikatakan ada akses kepada kereta tersebut atau kemungkinannya tidak menjalankan apa-apa siasatan berkaitan isu yang berbangkit. BUIT pada hemat mahkamah ini adalah saksi penting di dalam kes ini dan kegagalan memanggil BUIT untuk memberi keterangan mengundang padah kepada kes pendakwaan berasaskan anggapan sebaliknya di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950.

[16] Memandangkan juga terdapat dua set keterangan berkaitan siapakah tuanpunya kereta tersebut saya dipanggil untuk merujuk kepada kes Mahkamah Tinggi, *Public Prosecutor v Lee Eng Kooi* [1993] 2 MLJ 322; [1993] 2 CLJ 534 di mana dinyatakan bahawa:

> The function of the court in a criminal trial is to find whether the person arraigned before it as the accused is guilty of the offence with which he is charged. For this purpose the court scans the material on record to find whether there is any reliable and trustworthy evidence upon the basis of which it is possible to found the conviction of the accused and to hold that he is guilty of the offence with which he is charged. *If in a case the prosecution leads two sets of evidence, each one of which contradicts and strikes at the other and shows it to be unreliable, the result would necessarily be that the court would be left with no reliable and trustworthy evidence upon which the conviction of the accused might be based. Inevitably, the accused would have the benefit of such a situation.*

[17] Kes *Lee Eng Kooi* telah dirujuk dan diterima prinsipnya di dalam kes Mahkamah Rayuan, *See Kek Chuan v Public Prosecutor* [2013] 6 MLJ 885; [2013] 6 CLJ 98 di mana dinyatakan bahawa:

> [32] Contrary to the evidence by PW4, PW9 testified that CCTV recording was not given to the police because there was no written request by the police for a copy of the CCTV. Since the police did not record the statement of PW9, there was no opportunity for the learned Deputy who conducted the prosecution to impeach the credit of PW9. Thus, we have two sets of evidence in regard to the nagging question of whether a copy of the CCTV was given to the police. *These two contradictory or variant narratives struck at the very root of the prosecution's case and it must surely benefit the defence* (*Yusoff Kassim v Public Prosecutor* [1992] 2 MLJ 183; [1992] 1 LNS 31 *Public Prosecutor v Lee Eng Kooi* [1993] 2 MLJ 322; [1993] 2 CLJ 534 *Lee Ah Seng & Anor v Public Prosecutor* [2007] 5 CLJ 1; [2007] 4 AMR 709 *Adzhaar Ahmad & Anor v Public Prosecutor* [1996] 4 MLJ 85; [1996] 1 LNS 68 *Public Prosecutor v Tai Mei Yuen* [2004] 4 MLJ 541; [2004] 1 LNS 442 *Periasamy v Public Prosecutor* [1966] 1 MLJ 138; [1965] 1 LNS 129 *Harchand Singh & Anor v State of*

Haryana AIR 1974 SC 344; and *Public Prosecutor v Rajandiran a/l Kadirveil* [2002] 7 MLJ 77; [2002] 1 LNS 234 HC).

[18] Rujuk juga kes-kes Mahkamah Rayuan *Yeap Boon Hai v Public Prosecutor* [2009] 5 MLJ 406; [2010] 2 CLJ 338; *Munesuaran Ramasamy v Public Prosecutor* [2016] 2 CLJ 210. Siapa tuanpunya kereta tersebut adalah asas kepada kes pendakwaan ini. Memandangkan terdapat dua set keterangan yang bercanggah, oleh itu tertuduh berhak kepada fakta yang memihak kepadanya.

KESIMPULAN

[19] Mahkamah pada peringkat ini atas pertimbangan yang maksima perlu memperhalusi keterangan yang diberikan oleh saksi-saksi pendakwaan sepertimana yang digariskan prinsipnya di dalam kes *Public Prosecutor v Mohd Radzi bin Abu Bakar* dan jika terdapat dua atau lebih inferens di dalam kes ini, inferens yang memihak kepada tertuduh perlulah digunakan. Oleh itu berdasarkan perkara yang dinyatakan di atas, adalah nyata bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan bahawa tertuduh mempunyai jagaan atau kawalan terhadap dadah yang dijumpai di dalam kereta tersebut dan oleh itu pihak pendakwaan telah gagal menunjukkan bahawa terdapatnya suatu kes *prima facie* ke atas tertuduh atas kedua-dua pertuduhan tersebut dan oleh itu tertuduh dilepas dan dibebaskan tanpa perlu dipanggil untuk membela diri.

Responden dilepaskan dan dibebaskan tanpa perlu dipanggil untuk membela diri.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar